

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester I

Sidang 1989/90

Oktober/November 1989

Rancangan Diploma Teknologi Makmal

DTM 151 - Konsep Asas Kimia

Masa : [ 2 Jam ]

---

Jawab sebarang EMPAT soalan.

Hanya EMPAT jawapan yang pertama sahaja akan diperiksa.

Jawab tiap-tiap soalan pada muka surat yang baru.


Kertas ini mengandungi LIMA soalan semuanya (5 muka surat + 1 lampiran).

---

1. (a) Terangkan sebab-sebab terjadinya penyimpangan gas sahif daripada gas unggul, dan terbitkan persamaan yang telah dibuat oleh Van der Waals.

(40 markah)

(b) Sebanyak  $120 \text{ cm}^3$  gas ammonia pada suhu  $25^\circ\text{C}$  dan tekanan  $100 \text{ kPa}$  telah dicampurkan dengan  $165 \text{ cm}^3$  gas oksigen pada suhu  $50^\circ\text{C}$  dan tekanan  $85.0 \text{ kPa}$ . Campuran ini kemudiannya telah dipindahkan ke dalam bekas berisipadu  $300 \text{ cm}^3$  dan dibiarkan bertindakbalas pada suhu  $150^\circ\text{C}$  mengikut persamaan yang berikut:



Dengan anggapan bahawa tindakbalas berlaku dengan lengkap, tentukan

(i) tekanan total di dalam bekas selepas tindakbalas selesai,

.../2

- (ii) jisim wap air yang terbentuk dan  
(iii) bahan tindakbalas yang masih tinggal serta kiralah  
jisimnya.

(60 markah)

2. (a) Berikan perbezaan di antara bahan yang bersifat lembabcair dengan bahan yang bersifat higroskopik. Bagaimanakah bahan-bahan ini boleh berfungsi sebagai bahan pengering?

(40 markah)

- (b) Seberat 2.15 g sampel logam magnesium yang tidak tulen telah dipanaskan dengan asid hidroklorik cair HCl yang berlebihan untuk menghasilkan magnesium klorida  $MgCl_2$ , dan membebaskan gas hidrogen. Gas hidrogen yang terhasil, telah dikumpulkan di atas air di dalam kelalang berisipadu 1.5 liter pada suhu  $25^{\circ}C$  dan tekanan 104.0 kPa. (Tekanan wap air pada suhu  $25^{\circ}C$  ialah 3.17 kPa).

- (i) Apakah jisim gas hidrogen kering yang telah dihasilkan?  
(ii) Kira peratus ketulenan logam magnesium di dalam sampel berkenaan.  
(iii) Jika kemolaran asid hidroklorik yang digunakan ialah 2.25 M, apakah isipadu asid yang minimum diperlukan untuk menentukan ketulenan sampel berkenaan?

(60 markah)

.../3

3. (a) Halaju punca purata kuasa dua ( $\sqrt{u^2}$ ) atau  $V_{ppk}$  bagi gas oksigen pada suhu  $25^\circ\text{C}$  adalah sama dengan  $V_{ppk}$  bagi suatu gas X yang tidak diketahui, pada suhu  $100^\circ\text{C}$ .
- (i) Kiralah  $V_{ppk}$  bagi kedua-dua gas tersebut.
- (ii) Apakah jisim molar bagi gas X?
- (iii) Pada suhu berapakah  $V_{ppk}$  bagi gas oksigen menjadi dua kali  $V_{ppk}$  yang dikira di dalam bahagian (i)?
- (60 markah)
- (b) Natrium nitrat,  $\text{NaNO}_3$ , mlarut di dalam air sehingga kepada 45.0% dari segi berat. Jika ketumpatan larutan yang terhasil ialah  $1.368 \text{ g cm}^{-3}$ , dapatkan kepekatan larutan tersebut dalam sebutan
- (i) pecahan mol,
- (ii) kemolaran,
- (iii) kemolalan dan
- (iv) gram per liter ( $\text{g l}^{-1}$ ).
- (40 markah)
4. (a) Dengan merujuk kepada air bincangkan dengan ringkas hubungan di antara pepejal, cecair dan gas berdasarkan kepada daya tarikan di antara molekul dan terangkan faktor-faktor utama yang mempengaruhinya.
- (40 markah)
- (b) Tiga eksperimen telah dijalankan ke atas suatu sampel A yang diketahui terdiri daripada unsur-unsur C, H dan Cl. Eksperimen I : Seberat 0.6040 g sampel A telah dibakar di udara dan menghasilkan sebanyak 0.8378 g gas  $\text{CO}_2$ .

Eksperimen II : 0.8523 g sampel A pula telah memendakkan seberat 1.9240 g AgCl.

Eksperimen III : Pada suhu  $114^{\circ}\text{C}$  dan tekanan 0.960 atm, sampel gas A yang jisimnya 0.3840 g telah memenuhi ruang isipadu  $100 \text{ cm}^3$ .

Daripada ketiga-tiga eksperimen di atas, dan dengan anggapan gas bersifat unggul, tentukan

- (i) peratus komposisi unsur-unsur di dalam sebatian A,
- (ii) formula empirik sebatian A dan
- (iii) jisim molar serta formula molekul bagi sebatian A.

(60 markah)

5. (a) Bagi menentukan kemolaran larutan  $(\text{NH}_4)_2\text{SO}_4$ , suatu siri tindakbalas telah dilakukan. Pada mulanya sebanyak 10 ml larutan  $(\text{NH}_4)_2\text{SO}_4$  telah ditindakbalaskan dengan larutan NaOH yang berlebihan untuk menghasilkan  $\text{Na}_2\text{SO}_4$ , gas  $\text{NH}_3$  dan air. Gas ammonia yang dibebaskan ini, diserapkan ke dalam 50 ml 0.1 M HCl, dan bagi meneutralalkan HCl yang selebihnya, diperlukan sebanyak 21.5 ml 0.1 M NaOH.

- (i) Tuliskan kesemua persamaan-persamaan tindakbalas yang telah berlaku.

(10 markah)

- (ii) Kira kemolaran larutan  $(\text{NH}_4)_2\text{SO}_4$ .

(30 markah)

.../5

(iii) Apakah jisim  $(\text{NH}_4)_2\text{SO}_4$  di dalam 500 ml larutannya?

(20 markah)

- (b) Terangkan dengan ringkas bagaimana proses pendidihan sesuatu cecair berlaku, dan bagaimanakah takat didih sesuatu cecair itu bergantung kepada tekanan di sekelilingnya?

(40 markah)

-oooo0oooo-

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Pusat Pengajian Sains Kimia

Pemalar Asas dalam Kimia Fizik

<u>Simbol</u>	<u>Keterangan</u>	<u>Nilai</u>
$N_A$	Nombor Avogadro	$6.022 \times 10^{23} \text{ mol}^{-1}$
F	Pemalar Faraday	$96,500 \text{ C mol}^{-1}$ , atau coulomb per mol, elektron
e	Cas elektron	$4.80 \times 10^{-10} \text{ esu}$ $1.60 \times 10^{-19} \text{ C atau coulomb}$
$m_e$	Jisim elektron	$9.11 \times 10^{-28} \text{ g}$ $9.11 \times 10^{-31} \text{ kg}$
$m_p$	Jisim proton	$1.67 \times 10^{-24} \text{ g}$ $1.67 \times 10^{-27} \text{ kg}$
h	Pemalar Planck	$6.626 \times 10^{-27} \text{ erg s}$ $6.626 \times 10^{-34} \text{ J s}$
c	Halaju cahaya	$3.0 \times 10^{10} \text{ cm s}^{-1}$ $3.0 \times 10^8 \text{ m s}^{-1}$
R	Pemalar gas	$8.314 \times 10^7 \text{ erg K}^{-1} \text{ mol}^{-1}$ $8.314 \text{ J K}^{-1} \text{ mol}^{-1}$ $0.082 \text{ l atm K}^{-1} \text{ mol}^{-1}$ $1.987 \text{ cal K}^{-1} \text{ mol}^{-1}$
k	Pemalar Boltzmann	$1.380 \times 10^{-16} \text{ erg K}^{-1} \text{ molekul}^{-1}$ $1.380 \times 10^{-23} \text{ J K}^{-1} \text{ molekul}^{-1}$
g		$981 \text{ cm s}^{-2}$ $9.81 \text{ m s}^{-2}$
1 atm		76 cmHg $1.013 \times 10^6 \text{ dyn cm}^{-2}$ $101,325 \text{ N m}^{-2}$
$2.303 \frac{RT}{F}$		0.0591 V, atau volt, pada $25^\circ\text{C}$

Jisim Atom Relatif ranta Buruan:

H = 1.0	C = 12.0	I = 126.9	Fe = 55.8	As = 74.9
Br = 79.9	Cl = 35.5	Ag = 107.9	Pb = 207.0	Mg = 24.3
Na = 23.0	K = 39.1	N = 14.0	Co = 63.5	
O = 16.0	S = 32.0	P = 31.0	Cr = 40.0	